

## **BAB III**

### **METODOLIGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan dan menghuraikan tentang metodologi kajian termasuk subjek kajian, kaedah penyelidikan, instrumen kajian, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan, prosedur pengumpulan data, kriteria mengenai SK. Kemudian diikuti prosedur analisis terhadap data, bagaimana membuat transkripsi data yang diguna untuk menghasilkan data-data yang dapat dirumuskan sebagai maklumat dan dapatan kajian yang akan dikemukakan dalam Bab IV yang berikutnya.

Kajian penyelidikan ini hanya dijalankan di LIPIA Jakarta, subjek kajian ini terdiri daripada pelajar Program Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawi*) seramai 30 orang pelajar. Lembaga ini merupakan binaan dan pengawasan Universiti Islam Imam Muhammad Ibnu Saud, Riyadh. Ia mempunyai Program Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawi*), Program Prauniversiti (*Takmili*) serta dua Jurusan, iaitu Jurusan Syari'ah dan Pendidikan Guru.

#### **3.2 SUBJEK KAJIAN**

Terdapat dua peringkat sampel kajian ini. Peringkat pertama ialah sampel bagi soal selidik. Sampel pertama ini adalah seramai 30 orang pelajar yang berbangsa Indonesia, kesemuanya adalah pelajar dalam tingkatan Program Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawi*) LIPIA di Jakarta. Pemilihan sampel berdasarkan kepada jumlah pelajar dalam kelas program persiapan bahasa yang hanya berjumlah 30 orang pelajar sahaja dan

kesemuanya ialah pelajar yang baru mempelajari bahasa Arab di LIPIA. Mereka mungkin tidak mengenal tentang strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa.

Mohd. Najib (1998) menyatakan sekiranya jumlah sampel tidak ramai, maka penyelidikan dapat menggunakan kesemua sampel dalam sekolah tersebut. Bagi Azizi Yahya (2006) bahawa penyelidikan dapat menggunakan sebarang subjek atau sampel yang ada bagi kebanyakan kajian yang dijalankan tidak ditentukan besar dan kecilnya. Sampel dalam bahagian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi komunikasi dan mengenal pasti faktor yang mendorong pelajar berkomunikasi bahasa Arab.

Sementara dalam peringkat kedua kajian, pengkaji memilih seramai 12 pelajar daripada yang dipilih secara rawak yang mewakili pelajar lainnya dalam aktiviti komunikasi lisan. Pemilihan ini berdasarkan pemilihan rawak di mana pengkaji menanyakan kepada responden bagi sesiapa yang mempunyai asas bahasa dan sesiapa yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Kemudian dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan A (kumpulan yang mempunyai asas bahasa Arab) dan B (kumpulan yang tidak mempunyai asas bahasa Arab). Sampel dalam bahagian kedua ini adalah untuk mengetahui bentuk strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab melalui aktiviti komunikasi lisan yang diberikan kepada mereka.

Pengkaji memilih dua peringkat sampel ini, kerana ingin memperoleh semua maklumat yang berkaitan dengan apa yang diperlukan sepanjang kajian dan berpeluang membuat pemerhatian secara langsung ke atas pelaksanaan aktiviti komunikasi lisan di dalam kelas. Sehingga dari data-data yang diperoleh dapat memberi keputusan tentang tahap

penggunaan strategi komunikasi dan strategi komunikasi yang digunakan ketika menghadapi masalah berkomunikasi serta faktor yang mendorong pelajar.

### **3.3 PENDEKATAN DAN KAEADAH PENYELIDIKAN**

Untuk menjalankan penyelidikan ada dua pendekatan, iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif (Sukardi, 2004; Nana, 2005; Majid, 2005; Ananda, 2007). Ada penyelidikan yang menggabungkan kedua-dua penyelidikan kuantitatif dan kualitatif dalam satu kajian (Chua, 2006). Dalam kajian ini digunakan kedua-duanya, iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif (Dunn, 2003; Nana, 2005; Sudarwan, 2005; Majid, 2005).

Newman dan Benz (1998; 9) menjelaskan;

*“All behavioral research is made up of a combination of qualitative and quantitative constructs... We believe that conceptualizing the dichotomy (using separate and distinct categories of qualitative and quantitative research) is not consistent with a coherent philosophy of science”*

Pengkaji menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam pengumpulan data. Kajian ini mendapat input daripada pengumpulan data primer dan rujukan data sekunder. Pengkaji mengumpulkan sendiri data primer daripada subjek menerusi gabungan dua instrumen kajian iaitu satu set soal selidik yang terdiri daripada 45 item kemudian dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A untuk demografi, bahagian B-C untuk faktor pendorong, bahagian D untuk strategi komunikasi dan instrumen kedua, iaitu dua set gambar daripada pemerhatian ke atas aktiviti komunikasi lisan di dalam kelas.

Kaedah penggabungan antara kualitatif dan kuantitatif dalam satu penelitian pernah dijalankan oleh para pengkaji. Penggunaan kaedah gabungan dalam penyelidikan biasanya dilakukan dengan menyatukan prosedur pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif secara bersamaan. Sebagai contoh, pengambilan data pada penyelidikan tentang persepsi pengetua terhadap kepemimpinan wanita, dapat dilakukan dengan menggunakan kaji selidik dan sekaligus temu bual yang mendalam (Julia, 1992). Dengan demikian, pengumpulan data dengan menggabungkan dua kaedah dapat berkesan dalam suatu penyelidikan.

Pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy J, 2007), tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara fundamental bergabung kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya (Kirk & Miller, 1986). Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes merupakan suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kajadian yang berkaitan oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005).

Kajian kes dilaksanakan untuk menghimpun data, memperoleh makna, dan memperoleh pemahaman daripada suatu kes. Kajian kes memfokuskan seseorang individu, sekumpulan individu atau seluruh komuniti dan mungkin menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data seperti dokumentasi, data sejarah, temu bual mendalam (*in-depth interview*) dan pemerhatian peserta (Chua, 2006). Oleh kerana itu, dalam penyelidikan ini, kajian kes digunakan untuk menjelaskan taksonomi Tarone (1977) digunakan sebagai panduan menganalisis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar LIPIA ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Analisis data secara kualitatif pula digunakan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan bentuk-bentuk strategi komunikasi *verbal* dan *bukan verbal* yang digunakan pelajar ketika berkomunikasi dalam beberapa aktiviti tugas komunikasi lisan. Cara pendekatan ini juga telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lalu dalam mengkaji strategi komunikasi pelajar bahasa kedua (Ang, 1992, Aminah, 1996, Sri Juriati, 1997 dan Sheila, 1998).

Manakala pendekatan kuantitatif ialah penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena dan dikawal melalui pengumpulan data analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; Fraenkel, 2007), suatu penyelidikan yang melibatkan pengukuran boleh ubah kajian dengan menggunakan alatan saintifik dan eksperimen. Menurut Patton (1990) pendekatan kuantitatif mampu mengukur reaksi dan tindak balas responden terhadap soal selidik yang terhad dan dapat menganalisis masalah yang dikaji dengan ringkas dan tepat. Ini kerana data kuantitatif adalah sistematik, mudah dianalisis, piawai dan dikemukakan dalam masa yang singkat.

Penggunaan ujian statistik terhadap sesuatu kajian adalah sebagai usaha untuk menerangkan, menjelaskan boleh ubah-boleh ubah dalam suatu penyelidikan. Dalam kajian ini, untuk memberikan penerangan dan penjelasan tentang tindak balas pelajar terhadap penggunaan strategi komunikasi dan faktor pendorong pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab digunakan kekerapan dan peratusan yang diperoleh melalui soal selidik yang diserahkan kepada responden kajian.

Pengkaji telah menggunakan dua kaedah kajian, iaitu kaedah diskriptif dan kaedah kajian kes. Dalam kaedah diskriptif, pengkaji menggunakan instrumen borang soal selidik yang diberikan kepada pelajar responden seramai 30 orang pelajar LIPIA.

Kaedah diskriptif dipilih untuk mengumpul maklumat mengenai profil responden, mengenal pasti tahap penggunaan strategi komunikasi dan kemudian mengenal pasti faktor yang mendorong responden berkomunikasi dalam bahasa Arab, iaitu faktor motivasi pelajar dan dorongan guru. Analisis kajian ini digunakan bagi menjawab soalan penyelidikan yang kesatu dan ketiga.


Sementara kaedah kajian kes digunakan pengkaji untuk mengenal pasti bentuk strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab melalui pemerhatian ke atas aktiviti lisan yang diberikan kepada 12 orang responden yang dipilih secara rawak bagi mewakili responden yang lainnya. Aktiviti lisan dirakam dengan video dan kemudian ditranskripsikan. Analisis tersebut digunakan untuk memperoleh jawaban daripada soalan penyelidikan yang kedua.

Taksonomi Tarone (1977), digunakan untuk mengklafikasikan strategi-strategi yang didapati dalam kajian ini. Walaupun taksonomi Tarone (1977) sudah lama dan terawal dikaji, namun ia masih popular dalam kalangan pengkaji strategi komunikasi. Pendapat pengkaji taksonomi ini juga adalah yang paling sesuai untuk kajian ini. Ini kerana pengkaji lain agak baru dan kebanyakannya memperkatakan tentang strategi yang hampir serupa dengan taksonomi Tarone. Perbezaan hanyalah pada penggunaan nama strategi sahaja. Pada pendapat pengkaji taksonomi Tarone (1977) mudah difahami dan paling relevan untuk kajian ini.

Data sekunder berupa teori dan fakta pula diperoleh daripada kajian perpustakaan. Pengkaji telah membuat rujukan daripada buku, jurnal, tesis dan kertas kerja di beberapa buah perpustakaan di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Pusat Islam, Kuala Lumpur, Universitas Islam Negeri

Yogyakarta, Universitas Islam Indonesia Jakarta, Universitas Ahmad Dahlan Yogyakarta, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayahullah Jakarta. Tunjuk ajar daripada penyelia kajian dan pengalaman beberapa orang ahli akademik telah banyak membantu pengkaji memperoleh bimbingan dalam membina pendekatan dan kaedah penyelidikan, pengumpulan data, memproses data menggunakan *Microsoft Office Excel 2007* dan menganalisisnya.

Adapun kerangka metodologi kajian dalam penyelidikan ini boleh dikemukakan seperti Rajah 3.3



### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berbentuk (a) soal selidik, dan (b) dua set gambar (lampiran B) yang merangsang aktiviti lisan dirakam dan ditranskripsikan. Pengkaji membuat kajian terhadap 30 orang responden, dengan memberikan borang soal selidik untuk dijawab. Soal selidik dijalankan untuk mengetahui profil pelajar responden, mengenal pasti tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar LIPIA dan mengenal pasti faktor yang mendorong pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Sementara untuk mendapatkan data aktiviti lisan, pengkaji memilih subjek secara rawak seramai 12 orang responden bagi mewakili responden yang lainya dan membahagikan kedalam dua kumpulan iaitu seramai 6 orang pelajar bagi kumpulan A (pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab) dan 6 orang pelajar bagi kumpulan B (pelajar yang baru sahaja mempelajari bahasa Arab). Tujuan utama dalam aktiviti lisan ini, pengkaji bukan menumpukan sepenuh perhatian terhadap kebolehan kedua-dua kumpulan. Pengkaji menumpukan kepada strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar ketika menghadapi masalah dalam berkomunikasi bahasa Arab.

#### **3.4.1 Soal Selidik**

Setelah kebenaran diperoleh dari Jabatan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, penulis pergi ke *Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab* (LIPIA) di Jakarta, untuk berjumpa dengan pengetuanya dan menerangkan tujuan kajian ini dijalankan. Kajian ini dijalankan setelah mendapatkan persetujuan dan kebenaran daripada pengetua *Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab* (LIPIA) di Jakarta.

Pengkaji menyediakan borang soal selidik dan kemudian menyerahkannya kepada responden dengan bantuan guru-guru dan penolong kakitangan pengkaji. Pengkaji bersama-sama dengan mereka selama 30 minit untuk sesi penerangan dan pengendalian soal selidik. Subjek digalakkan untuk bertanya kepada pengkaji bagi tujuan menerangkan mana-mana item yang mereka kurang faham.

Pengkaji meminta subjek memberikan jawapan yang tepat untuk soalan-soalan tersebut. Kemudian memberikan masa satu minggu untuk subjek menjawab soalan dengan cermat. Kerana masa yang diberikan oleh pengetua LIPIA kepada pengkaji terhad dalam satu minggu sekali berjumpa dengan responden. Selepas itu soal selidik dipungut balik dengan bantuan penolong kakitangan pengkaji dan diserahkan kepada pengkaji. Data-data yang dikutip akan diperiksa, disisih dan akan dianalisa.

Soal selidik dipilih sebagai alat kajian kerana melalui pentadbiran soal selidik, data maklumat pelajar seperti profil pelajar, motivasi, dorongan guru dan tahap penggunaan strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar dapat diperoleh secara jelas. Di samping itu, soal selidik merupakan kaedah termudah dan berkesan dalam memperoleh data piawai daripada saiz sampel kajian yang besar dan menyeluruh (Barbie, 2000; Gay, 1996; Fraenkel & Wallen, 2003).

Muktar (2009) berpendapat bahawa menggunakan soal selidik memberi kebaikan kerana ia melibatkan responden yang lebih ramai, secara meluas dan menyeluruh. Adalah diharapkan daripada maklum balas yang diterima nanti dapat menjawab permasalahan kajian. Item-item soal selidik terdiri daripada 45 soalan yang dibahagikan kedalam empat bahagian, yaitu profil pelajar, motivasi pelajar, dorongan guru dan tahap

penggunaan strategi komunikasi dibina sendiri daripada hasil perbincangan pengkaji dengan pensyarah penasihat dan digubal berdasarkan tipologi taksonomi Tarone (1983).

### i. Pembahagian item soal selidik

Kandungan borang soal selidik ini dibahagikan dalam empat bahagian, iaitu A, B, C dan D. Ia adalah seperti berikut:

#### **BAHAGIAN A:** Latar Belakang Responden

Bahagian ini mengandungi lima item mengenai maklumat diri responden. Item-item berkaitan dengan umur, tempat lahir, tingkatan belajar bahasa, pekerjaan ibu bapa dan aliran pengajian.

| Bil | Soalan                            | Nombor item |
|-----|-----------------------------------|-------------|
| 1   | Umur responden                    | A3          |
| 2   | Tempat lahir responden            | A4          |
| 3   | Pekerjaan ibu bapa                | A5          |
| 4   | Tingkatan belajar responden       | A6          |
| 5   | Memilih aliran kursus bahasa Arab | A7          |

#### **BAHAGIAN B:** Motivasi Pelajar

Bahagian ini mengandungi enam item (1, 2, 3, 4, 5, 6) bagi meninjau motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.

| <b>Bil</b> | <b>Soalan</b>                                       | <b>Nombor item</b> |
|------------|---|--------------------|
| 1          | Minat belajar bahasa Arab                           | B1                 |
| 2          | Kegiatan ekstrakurikuler pelajar                    | B2                 |
| 3          | Bahasa Arab mudah dipelajari                        | B3                 |
| 4          | Mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-qur'an    | B4                 |
| 5          | Bahasa Arab sebagai bahasa kedua                    | B5                 |
| 6          | Pelajar pernah belajar bahasa Arab sebelum di LIPIA | B6                 |

### **BAHAGIAN C: Dorongan Guru**

Bahagian ini mengandungi tiga item (7, 8, 9) bagi meninjau dorongan guru kepada pelajar bahasa Arab.

| <b>Bil</b> | <b>Soalan</b>                                     | <b>Nombor item</b> |
|------------|---|--------------------|
| 1          | Guru memberi petunjuk kepada palajar              | C7                 |
| 2          | Pelajar diberi peluang dalam aktiviti bahasa Arab | C8                 |
| 3          | Guru memberi petunjuk dalam menggunakan strategi  | C9                 |

### **BAHAGIAN D: Strategi Komunikasi Bahasa Arab**

Bahagian ini mengandungi 29 item bagi mengetahui strategi komunikasi yang biasa diamalkan dalam pembelajaran bahasa Arab. Terdapat lima elemen strategi komunikasi yang diadaptasi daripada strategi komunikasi berdasarkan taksonomi Tarone (1977) iaitu;

| Bil | Soalan   | Nombor item                      |
|-----|--|----------------------------------|
| 1   | Strategi Pengelakan <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengelakan Topik</li> <li>ii. Meningalkan Mesej</li> </ul>                         | D10, D11, D12<br>D13, D14, D15   |
| 2   | Strategi Prafrasa <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penghampiran</li> <li>ii. Pembentukan kata baru</li> <li>iii. Penghuraian</li> </ul> | D16, D17<br>D18, D19<br>D20, D21 |
| 3   | Strategi Pemindahan Bahasa Secara Sedar <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penukaran Kod</li> <li>ii. Terjemahan Literal</li> </ul>       | D22, D23, D24<br>D25, D26, D27   |
| 4   | Strategi Rayuan Kerjasama  | D28, D29, D30,<br>D31, D32, D33  |
| 5   | Strategi Bukan Linguistik  | D34, D35, D36,<br>D37, D38       |

## ii. Pengelasan Item Soal Selidik

Dalam menganalisis soal selidik ini, pengkaji menggunakan peratusan dan kekerapan sebagai pengukuran bagi membolehkan data ini dianalisis menggunakan *Microsoft Office Excel 2007*. Skala yang diberi kepada setiap pernyataan berhubung (a) Motivasi pelajar (b) Dorongan Guru (c) Tahap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab, seperti berikut:

|   |                   |
|---|-------------------|
| 1 | Amat tidak setuju |
| 2 | Tidak setuju      |
| 3 | Kurang setuju     |
| 4 | Setuju            |
| 5 | Sangat setuju     |

Skala ini memberi lima nilai taburan peratus yang perlu dijawab oleh responden, iaitu nilai 1, 2, 3, 4 dan 5. Responden perlu memilih satu nilai bagi setiap pernyataan diberi pada ruang yang disediakan mengikut maklum balas yang difikirkan sesuai. Nilai peratusan yang tinggi iaitu 4 dan 5. Manakala nilai peratusan yang sederhana dan rendah ialah 1, 2, 3.

Oleh itu, pengkaji akan mencari nilai taburan peratusan dan kekerapan yang diperoleh daripada responden pada setiap elemen soal selidik yang dijawab. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar LPIA dan mengenal pasti faktor motivasi dan dorongan guru dapat memberi dorongan kepada pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab. Ianya adalah seperti berikut:

### Jadual 3.1 Nilai Taburan Peratus dan Aras tindak balas Pelajar

| <b>Nilai Skor Min</b> | <b>Deskripsi</b>   |
|-----------------------|--|
| 75 – 100%             | Pelajar mempunyai aras tindak balas terhadap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab dan faktor pendorong <b>Tahap Tinggi</b> .         |
| 51 – 74%              | Pelajar mempunyai aras tindak balas terhadap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab dan faktor pendorong <b>Tahap Sederhana Tinggi</b> |
| 26 – 50%              | Pelajar mempunyai aras tindak balas terhadap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab dan faktor pendorong <b>Tahap Sederhana Rendah</b> |
| 00 – 25%              | Pelajar mempunyai aras tindak balas terhadap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab dan faktor pendorong <b>Tahap Rendah</b>           |

#### **3.4.2 Dua Set Gambar**

Dua set gambar digunakan pengkaji dalam aktiviti lisan bagi mengenal pasti dan mengklasifikasikan bentuk strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar responden semasa aktiviti lisan dijalankan. Dalam aktiviti lisan ini, responden diberikan dua tugas yang mesti diikuti iaitu aktiviti menghuraikan gambar dan aktiviti percakapan sesuai gambar. Instrumen ini dipilih kerana untuk memberi tumpuan kepada strategi komunikasi lisan verbal dan bukan verbal pelajar yang mana ianya hanya dapat diambil melalui pemerhatian terhadap aktiviti lisan yang dijalankan.

Walaupun pemerhatian lebih sinonim kepada kajian kualitatif, namun mula-mula popular digunakan dalam kajian kuantitatif. Sebagaimana Seliger dan Shoamy (1990) menyatakan;

*“Observations have always been considered a major data collection tool in qualitative research. Recently, however, the more structured types of observations have also been used for collecting data in quantitative studies”*

(Seliger dan Shoamy; 1990)

Bentuk strategi komunikasi yang akan dikenal pasti melalui pemerhatian ke atas aktiviti lisan ini adalah menggunakan taksonomi Tarone (1983), iaitu (a) Pengelakan topic, (b) Meninggalkan mesej, (c) Penghampiran, (d) Pembentukan kata baru, (e) Penghuraian, (f) Penukaran kod bahasa, (g) terjemahan literal, (h) Rayuan kerjasama, dan (i) Bukan linguistik.

Bagi aktiviti menghuraikan gambar memerlukan subjek membentuk pasangan iaitu dengan dua orang bagi setiap pasangan. Peserta pertama dalam setiap pasangan akan diberikan sekeping gambar. Ia bertugas memegang gambar dan dapat membantu peserta kedua apabila menghadapi masalah. Peserta kedua akan menghuraikan gambar yang mereka peroleh. Bagi membolehkan komunikasi dua hala berlaku peserta kedua dikehendaki bertanya dan meneka apakah gambar yang diperolehi dengan berosal jawab sehingga mendapat jawaban yang betul.

Manakala dalam aktiviti percakapan berdasarkan gambar, subjek akan dibahagikan kepada dua orang bagi setiap pasangan iaitu berpasangan. Peserta pertama dalam setiap

pasangan diberikan gambar-gambar yang telah disediakan. Mereka dikehendaki bercakap satu sama lain tentang apa yang dapat melihat dalam gambar itu.

### **3.4.3 Rakaman**

Data kualitatif ini diperoleh melalui rakaman video yang dilakukan semasa sesi aktiviti bahasa. Kaedah rakaman ialah penulis merakam subjek ketika sedang menjalankan aktiviti-aktiviti bahasa. Hal ini untuk mendapatkan data berkaitan dengan strategi komunikasi. Aktiviti-aktiviti bahasa yang dilakukan oleh pelajar adalah aktiviti lisan. Aktiviti lisan ini terdiri daripada aktiviti menghuraikan gambar, aktiviti percakapan berdasarkan gambar.

## **3.5 KAJIAN RINTIS**

Kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji pada bulan Juni 2010. Seramai 25 orang pelajar tingkatan program persiapan bahasa (*I'dad Lughawi*) di LIPIA Jakarta telah terlibat dalam kajian rintis ini. Responden kajian rintis, adalah sebahagian daripada pelajar yang terlibat dalam kajian sebenar dijalankan, hal ini sebagaimana ditegaskan oleh Glesne dan Peshkin (1992) bahawa secara idealnya responden kajian rintis diperoleh daripada responden sasaran kajian.

Langkah-langkah yang dilakukan pengkaji semasa peringkat kajian rintis adalah seperti berikut:

- a) Pengkaji memohon surat kebenaran daripada Departemen Agama RI, untuk menjalankan kajian rintis di Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab di Jakarta. Kemudian pengkaji menghantar surat kebenaran daripada Departemen Agama RI kepada pengetua Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab di Jakarta sebagai

tempat menjalankan kajian rintis, dan pengetua memberikan kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian rintis ke atas pelajar Program Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawy*) di lembaga tersebut.

- b) Pengkaji memulakan pelaksanaan kajian rintis dengan cara berkenalan dengan calon peserta kajian rintis untuk soal selidik, hal ini dilakukan dengan memberikan penerangan kepada calon peserta kajian rintis supaya calon peserta kajian rintis tidak timbul sebarang perasaan tidak selesa pada masa kajian dijalankan.
- c) Pengkaji memilih pelajar seramai 25 orang pelajar untuk kajian soal selidik yang kesemuanya adalah pelajar peringkat Program Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawy*) di LIPIA. Kemudian menyampaikan satu set soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian, iaitu latar belakang responden, motivasi pelajar, dorongan guru dan strategi komunikasi dengan dibantu kakitangan pengkaji untuk menyampaikan kepada pelajar yang dipilih sebagai responden dan memberikan masa kepada responden untuk mengisi soal selidik selama satu minggu.
- d) Soal selidik yang dihantar kepada responden semuanya kembali sejumlah 25 soal selidik, dan sebagai rasa terima kasih, pengkaji memberikan cendera hati berupa sebatang pen kepada responden yang sudah mengumpulkan soal selidik melalui kakitangan pengkaji, dan langkah berikutnya yang dilakukan pengkaji adalah:
  - i. Memeriksa kandungan soal selidik setelah dikembalikan daripada responden dan didapati bahawa semua item soal selidik sudah diisi.
  - ii. Memasukkan skor item soal selidik kepada borang yang telah disediakan untuk masing-masing bahagian, iaitu latar belakang responden, motivasi pelajar, dorongan guru dan strategi komunikasi.
  - iii. Menguji kesahan dan kebolehpercayaan dilakukan dengan menghitung nilai peratusan dan kekerapan pelajar memberi tindak balas

selidik dengan menggunakan program *Microsoft Office Excel 2007 For Windows 7*.

Tujuan kajian rintis ini dijalankan ialah (a) untuk menguji kebolehpercayaan dan meneliti ketekalan alat pengukuran yang digunakan, (b) menentukan jangka masa yang diperlukan oleh responden untuk menjawab soal selidik dan mengikuti sesi aktiviti lisan yang dijalankan, (c) menentukan kesesuaian format soal selidik dan aktiviti lisan dengan tujuan kajian dan (d) memastikan perkataan yang digunakan di dalam soal selidik mudah difahami dan mempunyai maksud yang jelas bersesuaian dengan laras bahasa pelajar.

### **3.6 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KAJIAN**

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituhan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti (Majid, 2005). Kebolehpercayaan dan kesahan adalah ukuran yang merujuk kepada kestabilan dan ketekalan alat kajian sama ada ia dapat menjawab soalan kajian yang telah dibina (Hardy & Bryman, 2004)

#### **i. Kesahan**

Istilah kesahan berasal daripada perkataan Latin ‘*validus*’ bermaksud ‘*kuat*’ (Chamber’s English Dictionary, 1990). Manakala dalam kamus *The New Collins* (1997), kesahan bermaksud mengesahkan sesuatu secara rasmi. Dalam konteks penyelidikan pula, kesahan merujuk kepada mengukur apa yang sepatutnya diukur (Kerlinger, 1986). Secara amnya, penyelidikan yang mempunyai kesahan yang tinggi bererti dapatan yang

diperoleh adalah berdasarkan fakta atau bukti dan mampu memberi justifikasi yang tepat.

Fraenkel dan Norman (2005) berpendapat bahawa kesahan adalah sebagai ketepatan, kebenaran, bermakna dan kebolehgunaan instrumen yang membolehkan data-data diinferenkan. Tujuan penyelidik membuat kesahan instrumen adalah bagi menjamin kesahan item-item kajian agar bersifat: (a) dapat dipertahankan - hasil kajiannya tepat dan berguna, (b) ketepatan - menjawab persoalan kajian, (c) kesesuaian - relevan dengan tujuan kajian, (d) bererti - memberi makna terhadap data melalui skor dan (e) kebolehgunaan - mampu membuat keputusan berhubung dengan apa yang cuba dicari atau dihasilkan kerana keputusan dari penilaian tersebut boleh menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk dan pembaharuan yang hendak diukur untuk menginferenkan data kajian (Fraenkel dan Norman, 2005).

Menurut Fraenkel, Norman dan Wallen (2005), terdapat tiga teknik dalam menentukan kesahan instrumen.

(a) *Content-related evidence of validity* ia merujuk kepada ketepatan kandungan dan format instrumen, sifat komprehensif instrumen, kebolehgunaan variabel, ketepatan dan kecukupan kandungan item-item yang boleh memberi kefahaman kepada sampel untuk menjawabnya serta ketekalan kandungan dan format item untuk diukur dan dinilai oleh sampel. Teknik ini menggunakan sekumpulan pakar rujuk bagi membuktikan ketepatan kandungan item ketika menilai instrumen.

(b) *Criterion-related evidence of validity* ia merujuk kepada perhubungan antara skor yang diperolehi dari satu instrumen dengan skor yang diperolehi daripada satu atau

lebih instrumen yang lain untuk melihat bagaimana kekuatan hubungan instrumen-instrumen tersebut.

(c) *Construct-related evidence of validity*. Ia merujuk kepada darjah pembuktian yang total diperolehi secara tekal daripada pelbagai bukti yang berbeza.

Muktar (2009) menyatakan sebelum soalan ditadbirkan adalah baik jika mendapatkan pandangan pakar untuk kerja-kerja penyuntingan. Untuk memastikan kesahan intrumen ini, semua komponen soal selidik bagi setiap item telah dibincangkan dan disemak dengan penyelia projek untuk menentukan item-item yang dimasukkan dalam soal selidik ini bersesuaian dengan soalan kajian, di mana setiap pernyataan tersebut mengukur apa sebenarnya yang hendak diukur.

Dalam kajian ini, bagi memperoleh kesahan untuk soal selidik, soalan-soalan soal selidik dan kandungan penyelidik telah dibincangkan dan dipersetujui oleh penyelia sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

## **ii. Kebolehpercayaan Instrumen**

kebolehpercayaan ialah suatu nilai ukuran untuk menentukan ketekalan skor setiap item. Ketekalan bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi skor keputusan atau jawaban yang sama atau hampir sama (Howard, 1988). William (2000) menjelaskan;

*'Reliability means consistency, an observed score can be seen as consisting of two part, one part in individual's "true" score and the other part an 'error'.*

(m.s: 297)

Oleh yang demikian, bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan, maklumat yang diperolehi daripada kajian rintis telah dianalisis menggunakan peratusan dan kekerapan. Pengkaji menggunakan program *Microsoft Office Excel 2007 For Windows7* bagi mendapatkan nilai peratusan. Ini dilakukan dengan mengambil sampel seramai 25 orang responden sebagai subjek rintis untuk mendapatkan maklum balas.

Jadual 3.2 Pengkategorian Nilai Peratusan

| Nilai Peratusan | Kategori         |
|-----------------|------------------|
| 75 – 100%       | Tinggi           |
| 51 – 74%        | Sederhana Tinggi |
| 26 – 50%        | Sederhana Rendah |
| 0.0 – 25%       | Rendah           |

Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian rintis untuk melihat nilai pekali kebolehpercayaan. Pekali kebolehpercayaan yang didapati daripada kajian rintis ini ialah (a) motivasi pelajar mempunyai nilai peratusan 84% pelajar menyatakan setuju dan berada dalam kategori yang tinggi (b) Dorongan guru iaitu 81.33% berada dalam kategori yang tinggi dan strategi komunikasi mempunyai nilai antara peratusan 76-81% berada dalam kategori yang tinggi pula. Namun satu strategi komunikasi berada dalam kategori yang sederhana tinggi iaitu strategi meninggalkan mesej dengan peratusan 70% dan satu lagi berada dalam kategori sederhana rendah iaitu strategi penukaran kod bahasa dengan nilai peratusan 46%. Lantaran itu, nilai peratusan instrumen soal selidik kajian ini adalah berada dalam kategori yang tinggi dan berada julat yang sesuai dan ketekalan alat pengukuran boleh dipercayai.

Hasil kajian rintis menunjukkan soal selidik yang digubal mudah difahami oleh pelajar serta menepati objektif kajian. Namun demikian beberapa ayat yang kurang jelas maknanya telah dibaiki bagi memantapkan lagi soal selidik tersebut agar ia lebih senang

difahami. Responden juga memberi respon terhadap hampir setiap item yang terkandung di dalam soal selidik yang dijalankan. Ini menunjukkan format soalan yang digunakan bersesuaian dengan amalan yang biasa dilakukan pelajar program persiapan bahasa (*I'dad Lughawi*) di LIPIA

### **3.7 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Prosedur kajian dapat dijelaskan secara berperingkat-peringkat dari bermula dari kelulusan cadangan kajian sehingga analisis data dibuat. Setelah cadangan disertasi ini diluluskan oleh Jawatankuasa Ijazah Tinggi, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, pengkaji mengemukakan permohonan kepada Departemen Agama RI (Depag) untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian ini.

Kebenaran untuk menjalankan kajian di *Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab* (LIPIA) di Jakarta telah juga diperolehi daripada Pengarah Jabatan Pendidikan di LIPIA. Setelah itu, pengkaji mengadakan lawatan awal ke LIPIA untuk membincangkan dengan pihak pentadbir lembaga mengenai prosedur menjalankan kajian termasuklah menentukan masa dan sampel yang akan terlibat di dalam kajian yang akan dijalankan. Lawatan seterusnya oleh pengkaji ke LIPIA adalah mengedarkan borang soal selidik dan mengadakan aktiviti tugas komunikasi lisan.

Dalam kajian ini alat penyelidikan yang digunakan adalah soal selidik untuk kajian kuantitatif, manakala untuk kajian kualitatif menggunakan pemerhatian (Sukardi, 2004; Nana, 2005; Mohd, 2005). Dalam kajian ini pengumpulan data melalui dua peringkat.

Pertama, soal selidik dimana responden diminta mengisi borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai profil mereka, motivasi c

tahap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab di LIPIA. Responden diberi penerangan terlebih dahulu sebelum mereka menjawab soal selidik. Ianya mengelakkan daripada berlaku keraguan dan salah faham. Masa diperuntukkan untuk menjawab soalan kajian selidik ialah satu minggu. Ini kerana masa yang diberikan daripada pentadbir hanya 30 minit sahaja dalam kelas dan borang soal selidik dibawa balik.

Kaedah Soal selidik dalam kajian ini digunakan untuk memperoleh data tentang maklumat responden, motivasi, dorongan guru dan tahap penggunaan strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar dengan jelas. Soal selidik ini dibina sendiri daripada hasil perbincangan dengan penyelia dan digubal berdasarkan taksonomi Tarone (1977).

Dalam peringkat kedua, pemerhatian dimana responden menjalani sesi aktiviti tugas komunikasi lisan diadakan terhadap 12 responden yang dipilih secara rawak bagi mewakili responden yang lainya. Ianya dibahagikan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan A (kumpulan pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab) dan kumpulan B (kumpulan pelajar yang baru mengenal asas bahasa Arab). Responden ini dipilih secara rawak sebelum aktiviti lisan dibuat. Kajian dilakukan dengan menggunakan data ujaran lisan (*speech production*) yang dipungut secara keratan rentas (*cross-section*) daripada kumpulan responden yang terpilih didalam satu masa (Dulay, Burt & Krashen, 1982). Ia bertujuan bagi mengenalpasti bentuk strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Bagi memastikan semua ujaran lisan dan tingkah laku responden dapat cerap dan diperhatikan, alat perakam video Panasonic NV-DS60 digunakan semasa aktiviti komunikasi lisan dijalankan. Rakaman ini dijalankan setelah pangkaji mendapat kebenaran secara lisan dari responden terbabit. Data rakaman video ini penting kerana

ianya dapat membantu pengkaji semasa menganalisa dan mentranskripsikan data. Proses pemungutan data melalui aktiviti tugasan komunikasi lisan mengambil masa satu minggu selepas pemungutan borang soal selidik. Ia bertujuan untuk memberi keselesaan dan keyakinan kepada responden memberi respon terhadap soal selidik dan aktiviti komunikasi lisan yang dikemukakan pengkaji.


Kaedah pemerhatian digunakan untuk pengumpulan data tentang strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab semasa menjalankan aktiviti komunikasi lisan. Pemerhatian yang dilakukan memberikan peluang kepada pengkaji untuk memerhati, mendengar dan mengalami suasana yang benar (Mohd, 2005; Nana, 2005). Dengan kaedah ini pengkaji memperoleh data ujaran lisan *verbal* atau *bukan verbal*.

Dalam kajian ini, pengkaji bertindak sebagai pemerhati atau peserta seperti mana dinyatakan oleh Spradley (1980), semua pengkaji yang menggunakan pemerhatian-peserta dalam kajian mempunyai dua tujuan, a) melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan situasi, b) memerhati aktiviti-aktiviti yang sedang berlaku dengan aspek-aspek berkenaan.

### **i. Jadual Pelaksanaan Kajian**


Ringkasnya kajian ini terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu (a) mengenal pasti tahap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab, (b) mengenal pasti strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika menghadapi masalah dalam berkomunikasi bahasa Arab dan (c) mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab. Ini dijelaskan dalam Jadual 3.3 berikut.

### Jadual 3.3 Tiga Peringkat Pelaksanaan Dalam Kajian




Bagi peringkat yang pertama dan ketiga iaitu menganalpasti tahap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab dan mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong yang mendorong pelajar berkomunikasi bahasa Arab, langkah-langkah berikut dalam jadual 3.4 berikut telah dilaksanakan pengkaji;

Jadual 3.4 Langkah-langkah Peringkat Pertama dan ketiga



Bagi peringkat yang kedua pula iaitu mengenalpasti strategi-strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab, pengkaji telah melaksanakan langkah-langkah dalam jadual 3.5 berikut;

### Jadual 3.5 Langkah-langkah Peringkat Kedua



### 3.8 KRITERIA MENGENAL STRATEGI KOMUNIKASI

Bagi pengkaji setiap ujaran dan ekspresi wajah pada subjek dalam kajian ini, terdapat aspek-aspek yang diteliti untuk menentukan yang manakah SK dan yang manakah bukan SK. Aspek-aspek yang diambil kira adalah berdasarkan aspek-aspek yang dikemukakan oleh Tarone (1977). Pemerhatian bukan sahaja terhad kepada subjek

tetapi ekspresi fizikal subjek turut diambil kira. Kesemuanya dirakam sewaktu pemerhatian terhadap aktiviti lisan dibuat.

Catatan aktiviti lisan adalah meliputi ujaran yang kelihatan luar biasa dan pelik, jangkal, terdapat gangguan komunikasi seperti tergendala, terputus-putus, jeda, pengulangan, pembetulan sendiri, keadaan dengan sengaja berdehem atau batuk untuk mencari idea, pemanjangan suku kata, strategi-strategi pencapaian, strategi pengelakan, helah subjek dari memberi jawapan yang terang dan unsur-unsur bukan linguistik.

### **3.9 PROSEDUR ANALISIS DATA**

Terdapat dua jenis data yang diperoleh melalui 2 instrumen kajian iaitu (a) data kuantitatif yang diperoleh melalui instrumen soal selidik dan, (b) data kualitatif iaitu ujaran lisan (*speech production*) yang diperoleh melalui aktiviti komunikasi lisan yang dijalankan terhadap 12 pelajar responden yang dipilih secara rawak bagi mewakili responden yang lain. Berikut adalah prosedur analisis data bagi data kuantitatif dan data kualitatif.

#### **3.9.1 Prosedur Analisis Data Kuantitatif**

Untuk kajian ini, *Microsoft Office Excel 2007* digunakan bagi menganalisis data kuantitatif. Analisis ini dalam bentuk peratusan dan kekerapan yang digunakan untuk menganalisis data soal selidik yang diperolehi daripada 30 pelajar responden.

Kaedah analisis kes ini digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai demografi responden, motivasi pelajar, dorongan guru dan strategi komunikasi bahasa Arab. Ia juga digunakan untuk menjawab persoalan pertama kajian iaitu apakah tahap

penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar LIPIA di Jakarta dan soalan keketiga kajian iaitu apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar kolej berkomunikasi dalam bahasa Arab.


### **3.9.2 Prosedur Analisis Data Kualitatif**

Analisis data kualitatif ini digunakan pengkaji bagi menjelaskan bagaimana responden menghadapi masalah komunikasi yang timbul akibat kekurangan kosa kata bahasa Arab dalam menyampaikan sesuatu ketika memberi respon semasa sesi aktiviti lisan dijalankan. Ini bagi menjawab soalan kedua kajian iaitu sejauhmanakah pelajar LIPIA menggunakan strategi komunikasi ketika menghadapi masalah dalam berkomunikasi bahasa Arab. Prosedur analisis data kualitatif kajian ini melalui tiga peringkat iaitu (a) rakaman video (b) Transkripsi ujaran lisan (c) menganalisis bentuk-bentuk strategi komunikasi.

#### **i. Rakaman Video Digital**

Data kualitatif ini diperolehi melalui rakaman video yang dilakukan semasa sesi aktiviti lisan dibuat ke atas 12 responden. Rakaman video dilakukan bagi membolehkan pengkaji menggunakan berulang kali bagi mengesan bentuk strategi komunikasi yang digunakan pelajar. Proses menganalisis data melalui instrumen rakaman video melibatkan tiga peringkat iaitu rakaman video (ujaran lisan), transkripsi (pengolahan data tulisan) dan analisis (perolehan data Kualitatif dan kuantitatif).

Jadual 3.6 Proses Analisis Data Kualitatif Kajian Kes



## ii. Transkripsi Rakaman Video Digital

Ujaran lisan yang dirakamkan menggunakan perakam video digital ini perlu ditranskripsikan ke dalam data tulisan untuk memudahkan kerja-kerja menganalisis data. Pengkaji akan menganalisis data yang ditranskripsikan berdasarkan pemerhatian terhadap CD rakaman, proses transkripsi ini melibatkan empat langkah.

## iii. Proses Transkripsi

- Pertama : Pengkaji menonton seluruh CD rakaman video sambil mengkategorikan bahagian-bahagian item yang terdapat di dalam aktiviti lisan tersebut.
- Kedua : Pengkaji menonton ulangan keseluruhan CD rakaman beberapa kali. Pemerhatian dan tumpuan diberikan kepada ciri-ciri penggunaan strategi komunikasi.
- Ketiga : Pengkaji menonton sekali lagi CD rakaman sedikit demi sedikit sehingga selesai seluruh CD rakaman, sambil mentranskripsikan semua data ujaran lisan oleh responden kajian. Di samping itu, maklumat tambahan tentang konteks wacana juga dicatatkan pada data transkripsi. Ia termasuklah perasaan responden, gerak badan, mimik muka dan tempoh selang waktu responden mengeluarkan ujaran.

Keempat : Hanya bahagian data transkripsi yang berkaitan penggunaan strategi komunikasi sahaja dipilih untuk dianalisis. Manakala transkripsi data yang tidak berkaitan diasingkan.

Pengkaji pun hanya memilih bahagian data transkripsi yang berkaitan dengan penggunaan strategi komunikasi berasaskan taksonomi Tarone (1977) yang digunakan oleh palajar dalam komunikasi sahaja untuk dianalisis. Manakala transkripsi data yang tidak berkaitan diasingkan.

### **3.10 TRANSKRIPSI DATA**

Transkripsi data merupakan perkara paling penting dalam kajian ini. Ini kerana pada tahap ini segala ujaran, perlakuan, dan jenis-jenis SK yang wujud akan dianalisis.

Ujaran lisan yang dirakamkan menggunakan perakaman video digital ini ditranskripsikan ke dalam data tulisan untuk memudahkan kerja-kerja menganalisis data. Pengkaji akan menganalisis data-data yang ditranskripsikan melalui pemerhatian dalam aktiviti lisan terhadap CD rakaman. tahap ini paling penting adalah kerana dengan data inilah yang akan membentuk dan menjadi bukti kepada kesahihan dapatan kajian.

### **3.11 TANDA-TANDA DALAM TRANSKRIPSI**

Dalam transkripsi ini, terdapat tanda-tanda tertentu bagi menjelaskan perlakuan subjek seperti sampukan, paralinguistik dan sebagainya. Transkripsi dibuat sewaktu aktiviti lisan telah selesai. Tanda-tanda dalam transkripsi ini dipetik daripada disertasi Sarjana

Bahasa Moden Oleh Robe'ah Yusuf (2005). Kerana tanda-tanda ini lebih mudah bagi pengkaji untuk digunakan dalam mentranskripsikan rakaman aktiviti lisan.

Antara senarai transkripsi yang digunakan seperti berikut:

|           |       |                             |
|-----------|-------|-----------------------------|
| ( . . . ) | - - - | Ujaran tidak jelas          |
| (( ))     | - - - | Paralinguistik              |
| < >       | - - - | Diam                        |
| : :       | - - - | Sebutan panjang             |
| /         | - - - | Jeda atau berhenti sebentar |
| //        | - - - | Berhenti lama               |
| Z         | - - - | Sampukan                    |

### **3.12 KESIMPULAN**

Dalam keseluruhan bab ini, subjek kajian, pendekatan dan kaedah penyelidikan, instrumen kajian, kajian rintis, kesahan kebolehpercayaan, prosedur pengumpulan data, kriteria mengenai strategi komunikasi, prosedur analisis data telah diuraikan, transkripsi data, tanda-tanda dalam transkripsi pengumpulan data bagi menjelaskan perlakuan responden juga telah dibincangkan. Prosedur-prosedur yang telah dirancang dalam bab ini adalah bagi memudahkan proses kajian dijalankan serta memudahkan bagi menganalisis data. Ia juga akan dapat membantu penulisan dalam membuat rumusan dan perbincangan yang akan diuraikan pada bab berikutnya.